



**14 JULAI 2016**  
**UNTUK SIARAN SEGERA**

**KENYATAAN AKHBAR**  
**OLEH JABATAN PENGANGKUTAN JALAN**

**Kemalangan Bas Ekspres di KM 265.8 Lebuhraya PLUS Arah Selatan**

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa memberi keutamaan dalam mengekalkan sistem pengurusan pemandu kenderaan perkhidmatan awam berada ditahap yang terbaik.

Sebagai langkah kawalan penguatkuasaan, JPJ sentiasa membuat pemeriksaan teknikal di Depoh dan Terminal Bas bagi memastikan keselamatan penumpang yang menggunakan kenderaan perkhidmatan awam sentiasa terjamin.

Sepanjang tempoh Operasi Hari Raya Aidilfitri 2016, sebanyak 6,847 buah bas telah diperiksa di Depoh dan Terminal Utama Bas di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 50 buah bas gagal dalam pemeriksaan teknikal dan tidak dibenarkan beroperasi sehingga pembaikan pada teknikal bas dibuat.

Bagi memastikan kenderaan perkhidmatan awam yang berada di jalan raya diselenggara dengan baik, kenderaan tersebut perlu melakukan pemeriksaan berkala sebanyak 2 kali setahun di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM). Pemandu kenderaan perkhidmatan awam juga adalah diwajibkan untuk memohon dan memiliki lesen *Public Service Vehicle* (PSV) supaya pemandu adalah kompeten semasa memandu kenderaan perkhidmatan awam.

JPJ sentiasa tegas dalam mengambil tindakan senarai hitam kepada mana-mana kenderaan atau pemandu yang melakukan kesalahan lalu lintas. Walau bagaimanapun, proses bagi menyenarai hitam kenderaan atau pemandu perlu memenuhi kehendak seperti mana dalam peruntukan Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu:

- i) Saman telah dikeluarkan*
- ii) Kes telah dibawa ke mahkamah*
- iii) Waran tangkap telah dikeluarkan*

Agensi penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terpilih perlu mengemukakan permohonan kepada JPJ untuk menyenarai hitam kenderaan atau pemandu yang melakukan kesalahan lalu lintas.

Berhubung dengan kes Kemalangan di KM 265.8 Lebuhraya PLUS Arah Selatan pada 10 Julai 2016, JPJ akan mengambil tindakan dibawah Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembuatan dan Penggunaan) 1959, atas kesalahan gagal memastikan keadaan kenderaan dan semua bahagian aksesori berada di dalam keadaan baik serta tidak menyebabkan bahaya kepada mana-mana orang di atas kenderaan atau di atas jalan. Jika didapati bersalah, pemilik kenderaan boleh dikenakan penalti maksimum sebanyak RM2,000 atau 6 bulan penjara atau kedua-dua sekali di bawah Seksyen 119 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

JPJ ingin menegaskan bahawa, tiada kompromi kepada mereka yang melakukan kesalahan lalu lintas. Tindakan tegas akan diambil mengikut peruntukan undang-undang kepada mereka yang melakukan kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.

JPJ akan melaksanakan Sistem Mata KEJARA selepas kajian terperinci selesai dibuat. Melalui sistem ini, pemandu yang mempunyai saman, boleh digantung atau dibatalkan lesen memandu.

**[TAMAT]**